

D362

U B555 DEB

MBM

KUALA LUMPUR, 16 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA SEMUA PIHAK SUPAYA TIDAK MENGUNGKIT-UNGKIT DASAR-DASAR PENTING YANG TELAH DIPERSETUJUI BERSAMA BAGI MENJAMIN PERPADUAN DAN KESTABILAN NEGARA.

BELIAU MEMBERITAHU SEROMBONGAN 17 ANGGOTA EXCO MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) DI SINI SEMALAM, KERAJAAN TELAH CUKUP LIBERAL DALAM MELAKSANAKAN DASAR-DASAR ITU BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DALAM KENYATAANNYA HARI INI, SETIAUSAHA AGUNG MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) ENCIK FUAD HASSAN BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN KEKHUATIRANNYA TENTANG ARAH PERPADUAN MASYARAKAT KINI DAN KESAN EKSPLOITASI POLIITIK YANG MELUAS DI KALANGAN BELIA, MASALAH SOSIAL DAN PENGLIBATAN BELIA DALAM PENGUBALAN DASAR NEGARA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU SEMUA MASYARAKAT NEGERA INI SUPAYA BERSIKAP RASIONAL DAN MENEKAN PENTINGNYA PENGLIBATAN SEMUA KAUM DALAM SETIAP PROGRAM ANJURAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA, KATA ENCIK FUAD.

BELIAU BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMANDANG BERAT GOLONGAN BELIA YANG TERDEDIAH KEPADA PENCEROBOHAN BUDAYA ASING SEPERTI YANG DILIHAT DARIPADA WATAK BELIA-BELIA DI PUSAT-PUSAT MEMBELI-BELAH. -- LAGI.

1645MST 16 07 86

D364

U B556 DEB

MBM 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT MASALAH PENCEROBOHAN BUDAYA SUKAR DIATASI DENGAN WUJUDNYA KEMUDAHAN KOMUNIKASI YANG MELUAS DI NEGARA INI SEKARANG.

BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI MENYARANKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA MEMPERHEBAT DAN MEMPELBAGAI KEGIATAN BAGI MENARIK MINAT LEBIH BANYAK GOLONGAN BELIA.

ENCIK FUAD BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI JAMINAN UNTUK MEMBANTU MBM MENDAPATKAN TAPAK DI IBU NEGARA BAGI MEMBINA IBU PEJABAT DAN PUSAT KEGIATAN REKREASI BELIA.

KATANYA MBM TELAH MEMINTA KERAJAAN MEMPERBANYAK PUSAT LATIHAN BELIA DENGAN MENAMBAH PERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN BELIA.

MENURUT ENCIK MBM JUGA MEMUJI DASAR LUAR MALAYSIA YANG TEGAS DAN BERMARUAH DAN MENYOKONG KEPUTUSAN NEGARA MEMULAUKAN SUKAN KOMANWEL DI SCOTLAND MINGGU DEPAN, PADA PERTEMUAN ITU. -- BERNAMA.

1648MST 16 07 86